

Malaysia dipilih pusat projek penyambungan elektrik Asean

JOHOR BAHRU, Khamis — Malaysia telah dipilih sebagai negara pusat bagi projek penyambungan sistem pembekalan elektrik antara negara-negara Asean melalui penyambungan sistem grid Asean, kata Datuk Leo Mogie.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos itu berkata hari ini, tujuh projek sambungantara boleh dikenalpasti untuk dikaji melibatkan penyambungan antara Sumatra dengan Semenanjung Malaysia, Sarawak

dengan Semenanjung Malaysia, Singapura dengan Batam, Sarawak dengan Kalimantan Barat dan Sabah dengan Filipina.

Projek tersebut juga melibatkan pembesaran sambungantara Sadao dengan Bukit Keteri dan Pasir Gudang dengan Singapura, katanya dipeprasmian stesen janaelektrik di Pasir Gudang dekat sini.

Stesen janaelektrik yang terletak di atas tapak seluas 23.8 hek-

tar berharga \$372 juta dirasmikan oleh Sultan Johor.

Stesen tersebut digelar Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar.

Datuk Leo berpendapat, dalam pergolakan sumber tenaga yang dihadapi sekarang oleh setiap badan pembekal elektrik dalam rantau Asean, ada kemungkinan tallantalian sambungantara akan dapat diwujudkan tidak berapa lama lagi.

Kerjasama

Mengenai perkongsiantenaga melalui penyambungan sistem grid Asean, Datuk Leo berkata, sebelum siapnya stesen janaelektrik Sultan Iskandar itu, Lembaga Letrik Negara (LLN) telah mengimport tenaga elektrik antara 10 dengan 15 mw dari negara jiran Singapura.

Import tenaga elektrik itu adalah dengan kerjasama Lembaga Kemudahan Awam Singapura (PUB) dan ia dilakukan bagi memenuhi keperluan tenaga yang kian bertambah khususnya di negeri ini selaras dengan perjanjian

LLN-PUB yang ditandatangani dalam tahun 1978.

Datuk Leo juga berkata, LLN sedang membina lima buah lagi stesen janaelektrik iaitu di Bersia dan Keenering (Perak) dan di Kenyir (Terengganu) menggunakan tenaga hidro, di Paka (Terengganu) menggunakan gas asli dan di Pelabuhan Kelang (Selangor) menggunakan gas, arang batu dan minyak.

Dengan siapnya stesen-stesen janaelektrik tersebut, keperluan tenaga akan tetap mendahului permintaan yang dijangka akan bertambah dari 1636 mw kini kepada 4,276 mw menjelang tahun 1990 dan seterusnya meningkat kepada 9,341 mw menjelang tahun 2000.

Datuk Leo juga menyentuh tentang masalah besar yang sering dihadapi oleh LLN mengenai tanah dan izinlalu yang telah menjejaskan kelancaran projek sistem penghantaran.

Bellau menyeru orang ramai bekerjasama dengan kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek LLN kerana projek-projek tersebut adalah bagi faedah mereka juga.